

Mahathir - lukisan

MAHATHIR NASIHATI SENIMAN AGAR JANGAN MUDAH KECEWA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati para seniman tempatan agar tidak mudah kecewa sekalipun sukar mendapat pengiktirafan atau pendapatan lumayan.

Perdana Menteri berkata, mereka yang mudah kecewa tidak mempunyai harapan.

"Hanya mereka yang sanggup menghadapi segala cabaran sahaja yang akan berjaya. Oleh itu janganlah putus asa. Bertekunlah," katanya semasa melancarkan pameran lukisan berjudul 'visions' di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Beliau berkata para pelukis tanahair tidak seharusnya membandingkan hasil karya mereka dengan harga lukisan atau ukiran pelukis Eropah terutama yang sudah lama meninggal dunia.

"Lukisan karya artis terkenal seperti van Gogh dan Rembrandt dihargai selepas mereka tidak ada lagi," katanya.

Pameran dua minggu itu, yang menampilkan karya dua pelukis tempatan Mutalib Zakaria dan Abdul Ghani Ahmad serta pelukis antarabangsa Jian Hi-Zou dari San Francisco, dianjurkan oleh Yayasan Seni Berdaftar. -- lagi.

▼27/08/19-55MST

R GB 27-08 00127 BA845

bah

Mahathir - lukisan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang juga penaung yayasan itu, berkata kelewatan sesebuah hasil seni mendapat pengiktirafan disebabkan orang ramai biasanya berminat kepada yang terhad dan sukar didapati.

"Justeru itu, janganlah para pelukis kecewa kerana tidak mendapat harga yang tinggi bagi hasil karya mereka dan tidak menjadi kaya.

"Mungkin seratus atau dua ratus tahun lagi hasil karya kita akan mendapat harga yang tinggi dan orang lain yang akan mendapat untung yang banyak," katanya.

"Oleh itu janganlah kecewa dengan ketidakadilan ini. Ini lumrah hidup, satu perkara biasa," katanya.

Dr Mahathir berkata memadailah jika mereka dapat menarik hati peminat kerana yang seharusnya dihargai ialah kepuasan hati daripada hasil karya yang baik. -- lagi.

▼27/08/20-19MST

CNS0230

R GB 27-08 00147 BA846

bah

Mahathir - lukisan 3 (akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya para pelukis di negara ini boleh menaruh harapan kerana ada kalangan mereka telah mendapat penghargaan dan pendapatan yang tinggi pada masa hayatnya.

Dr Mahathir berharap badan-badan lain meneladani langkah yayasan itu mewujudkan biasiswa khas bagi membantu pelukis mendalami pendidikan bidang itu.

Katanya, para karyawan seni mempunyai peranan penting dalam pembangunan tamadun dan budaya sesebuah negara.

Suatu sumbangan yang diberikan mereka ialah memperkenalkan kehalusan budaya negara ke dunia luar, katanya.

"Saya yakin wujudnya beberapa tokoh utama dalam dunia seni lukis umpamanya Ibrahim Hussein, Hoessin Rnas dan Latiff Mohidin, telah turut memperkenalkan dan menghormatkan lagi nama negara kita," katanya.

Bagaimanapun, katanya negara tidak harus bergantung kepada beberapa pelukis terkenal itu sahaja dan usaha lebih serius harus dijalankan untuk memperkenalkan muka-muka baru. -- Bernama

AZZ NMO

▼27/08/20-22MST